



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SUMBER PENDIDIKAN KEWANGAN, TAHAP LITERASI KEWANGAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN TINGKAH LAKU KEWANGAN USAHAWAN MINI RTC ZON UTARA

NOOR ATIQAH BINTI AB TALIB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PERAKAUNAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persetujuan usahawan terhadap sumber pendidikan kewangan, literasi kewangan serta tingkah laku kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara. Hubungan dan pengaruh ketiga-tiga pemboleh ubah juga turut dikaji. Kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan 254 orang usahawan mini RTC Zon Utara menggunakan statistik inferensi, korelasi dan regresi. Dapatan kajian menunjukkan tahap persetujuan usahawan bagi sumber pendidikan berkaitan kewangan, tahap literasi kewangan serta tahap tingkah laku kewangan usahawan adalah sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan dan pengaruh antara sumber pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan serta tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara. Kajian ini menunjukkan literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara perlu dipertingkatkan bagi membantu usahawan untuk bertingkah laku baik dan cekap untuk menyelesaikan masalah perniagaan. Oleh itu, pendidikan mengenai kewangan haruslah diterapkan sejak di bangku sekolah serta mengadakan kempen berkaitan kewangan kepada semua individu termasuklah usahawan bagi meningkatkan tahap literasi kewangan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
iv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## **FINANCIAL EDUCATION RESOURCE, LEVEL OF FINANCIAL LITERACY AND ITS RELATIONSHIP WITH FINANCIAL BEHAVIOR AMONG ENTREPRENEURS AT NORTH ZONE MINI RTC**

### **ABSTRACT**

This study was conducted to identify the level of agreement with the entrepreneur towards the financial education resource, financial literacy and financial behavior of North zone RTC mini entrepreneurs. Relationship and influence of the three variables were studied. The questionnaire was used as the research method involving 254 of North zone RTC mini entrepreneurs using inferential statistics, correlation and regression. The findings showed that the level of agreement with the entrepreneur for educational resources relating to finance, financial literacy level and the level of the financial behavior of entrepreneurs is at a moderate level. The findings also showed that there was relationship and influence between financial educational resources with the level of financial literacy and financial literacy levels with financial behavior of North zone RTC mini entrepreneurs. This study showed that financial literacy among North zone RTC mini entrepreneurs should be intensified to help entrepreneurs to behave properly and efficiently to solve business problems. Therefore, financial education and related campaigns should be introduced in schools and other suitable institutions in order to educate people especially the entrepreneurs to raise the awareness of the importance of financial literacy.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

pustaka.upsi.edu.my



PustakaTBainun

ptbupsi  
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv



05-4506832

**SENARAI LAMPIRAN**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
**xvi**

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	9
1.7 Kerangka Teoritikal	10
1.8 Kerangka Konseptual	12
1.9 Signifikan Kajian	14
1.10 Batasan Kajian	20



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.11 Definisi Operasional	21
1.12 Rumusan	24

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	26
2.2 Mini RTC	27
2.3 Teori	28
2.3.1 Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura)	28
2.3.2 Teori Konsep Diri	30
2.3.3 Teori Tingkah Laku Bersebab	31
2.3.4 Teori Tingkah Laku Terancang	33
2.4 Teori Tingkah Laku Terancang dan Tingkah Laku Kewangan	34

2.5 Hubungan di antara Sumber Pendidikan Kewangan dengan

Tahap Literasi Kewangan

36

2.5.1 Hubungan di antara Sumber Pendidikan Kewangan dengan Tahap Literasi Kewangan dari Aspek Istilah Kewangan	37
2.5.2 Hubungan di antara Sumber Pendidikan Kewangan dengan Tahap Literasi Kewangan dari Aspek Isu Kewangan	38

2.6 Hubungan di antara Tahap Literasi Kewangan dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan

2.6.1 Hubungan di antara Tahap Literasi Kewangan dengan Kemahiran Pengurusan Kewangan	42
2.6.2 Hubungan di antara Tahap Literasi Kewangan dengan Perancangan, Belanjawan dan Kawalan	43
2.6.3 Hubungan di antara Tahap Literasi Kewangan dengan Simpanan	44





2.7 Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Tahap Literasi Kewangan	46
2.7.1 Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Tahap Literasi Kewangan dari Aspek Istilah Kewangan	47
2.7.2 Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Tahap Literasi Kewangan dari Aspek Isu Kewangan	48
2.8 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Tingkah Laku Kewangan	50
2.8.1 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Kemahiran Pengurusan Kewangan	51
2.8.2 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Perancangan, Belanjawan dan Kawalan	54
2.8.3 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Simpanan	56
2.9 Rumusan	58



3.1 Pendahuluan	60
3.2 Reka Bentuk Kajian	61
3.3 Pendekatan Kajian	61
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	62
3.5 Instrumen Kajian	65
3.5.1 Borang Soal Selidik	65
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	69
3.7 Kajian Rintis	71
3.8 Analisis Kajian	74
3.8.1 Analisis Deskriptif	74
3.8.2 Analisis Korelasi	75





3.8.3 Analisis Regresi	76
------------------------	----

3.8.4 Ringkasan Statistik	77
---------------------------	----

3.9 Rumusan	78
-------------	----

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	79
-----------------	----

4.2 Penyemakan Data Sebenar	81
-----------------------------	----

4.2.1 Normaliti	81
-----------------	----

4.2.2 Lineariti	82
-----------------	----

4.2.3 Outliers	83
----------------	----

4.2.4 Multikollineariti	84
-------------------------	----

4.3 Latar Belakang Responden	85
------------------------------	----

4.3.1 Jantina	85
---------------	----



4.3.3 Umur	87
------------	----

4.3.4 Status	87
--------------	----

4.3.5 Peringkat Pengajian	88
---------------------------	----

4.3.6 Bidang Pengajian	89
------------------------	----

4.4 Analisis Deskriptif	89
-------------------------	----

4.4.1 Tahap Persetujuan Usahawan bagi Sumber Pendidikan Berkaitan Kewangan	90
---	----

4.4.2 Tahap Literasi Kewangan	91
-------------------------------	----

4.4.2.1 Istilah Kewangan	91
--------------------------	----

4.4.2.2 Isu Kewangan	93
----------------------	----

4.4.3 Tahap Tingkah Laku Kewangan	94
-----------------------------------	----

4.4.3.1 Kemahiran Pengurusan Kewangan	95
---------------------------------------	----





4.4.3.2 Perancangan, Belanjawan dan Kawalan	95
4.4.3.3 Simpanan	96
4.5 Analisis Korelasi	97
4.5.1 Hubungan di antara Sumber Pendidikan Kewangan dengan Tahap Literasi Kewangan	98
4.5.2 Hubungan di antara Tahap Literasi Kewangan dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan	99
4.6 Analisis Regresi	101
4.6.1 Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Tahap Literasi Kewangan	101
4.6.2 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Tingkah Laku Kewangan	103
4.6.2.1 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Kemahiran Pengurusan Kewangan	103
4.6.2.2 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Perancangan, Belanjawan dan Kawalan	104
4.6.2.3 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Simpanan	105
4.7 Rumusan	106

## BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	108
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	109
5.2.1 Tahap Persetujuan Usahawan bagi Sumber Pendidikan Berkaitan Kewangan	110
5.2.2 Tahap Literasi Kewangan dalam kalangan Usahawan Mini RTC Zon Utara	111
5.2.3 Tahap Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara	113
5.2.4 Hubungan di antara Sumber Pendidikan Kewangan dengan Tahap Literasi Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara	115





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xi

5.2.5 Hubungan di antara Tahap Literasi Kewangan dengan Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara	116
5.2.6 Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Tahap Literasi Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara	120
5.2.7 Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Tingkah Laku Kewangan Usahawan Mini RTC Zon Utara	122
5.3 Implikasi Kajian	126
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	129
5.5 Rumusan	129

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

### Muka Surat

#### No. Jadual

3.1	Statistik Kutipan Sampel	65
3.2	Pekali Cronbach Alfa	73
3.3	Nilai Cronbach Alfa Dimensi	73
3.4	Interpretasi Skor Min ke dalam 5 Tahap ( Skala Likert)	75
3.5	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	76
3.6	Ringkasan Statistik	77
4.1	Ujian Skewness dan Kurtosis	82
4.2	<b>Ujian Lineariti</b>	83
4.3	Nilai Tolerance dan VIF	85
4.4	Taburan Responden mengikut Jantina	86
4.5	Taburan Responden mengikut Bangsa	86
4.6	Taburan Responden mengikut Umur	87
4.7	Taburan Responden mengikut Status	88
4.8	Taburan Responden mengikut Peringkat Pengajian	88
4.9	Taburan Responden mengikut Bidang Pengajian	89
4.10	Tahap Persetujuan Usahawan bagi Sumber berkaitan Kewangan	90
4.11	Min, Tahap Skor Min dan Sisihan Piawai Item-item Istilah Kewangan	92
4.12	Min, Tahap Skor Min dan Sisihan Piawai Item-item Isu Kewangan	93





4.13	Min, Tahap Skor Min dan Sisihan Piawai Item-item Kemahiran Pengurusan Kewangan	95
4.14	Min, Tahap Skor Min dan Sisihan Piawai Item-item Perancangan, Belanjawan dan Kawalan	96
4.15	Min, Tahap Skor Min dan Sisihan Piawai Item-item Simpanan	97
4.16	Hubungan di antara Sumber Pendidikan Kewangan dengan Istilah Kewangan dan Isu Kewangan	98
4.17	Hubungan di antara Istilah Kewangan dan Isu Kewangan dengan Kemahiran Pengurusan Kewangan, Perancangan, Belanjawan dan Kawalan serta Simpanan	100
4.18	Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Istilah Kewangan	102
4.19	Pengaruh Sumber Pendidikan Kewangan terhadap Isu Kewangan	102
4.20	Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Kemahiran Pengurusan Kewangan	104
4.21	Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Perancangan, Belanjawan dan Kawalan	105
4.22	Pengaruh Tahap Literasi Kewangan terhadap Simpanan	106
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	110





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian	10
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	12
1.3 Konsep Literasi Kajian	13
2.1 Teori Tingkah Laku Bersebab	32
2.2 Teori Tingkah Laku Terancang	36
3.1 Kaedah Persampelan Strata	64
3.2 Prosedur Pengumpulan Data	70



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
XV

## SENARAI SINGKATAN

AIAN	<i>American Indian and Alaska Native</i>
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
IKS	Industri Kecil Sederhana
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
OECD	<i>The Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xvi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kajian
- B Borang Pengesahan Pakar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832

**1.1 Pendahuluan** pustaka.upsi.edu.myPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pada masa kini, hampir keseluruhan masyarakat menggunakan wang dalam kehidupan seharian (Chaulagain, 2015). Setiap individu mahupun usahawan berkeperluan dalam membuat keputusan kewangan yang kompleks dalam kehidupan sehari-hari ada kewangan peribadi mereka dalam bentuk perancangan kewangan harian ataupun dalam konteks perniagaan sebagai perniagaan kecil. Barte (2012), menyatakan bahawa antara salah satu faktor yang dapat menunjukkan prestasi sesebuah perniagaan pada masa kini ialah melalui kekurangan kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan usahawan. Walaupun perniagaan kecil memberi kepentingan kepada ekonomi, namun penyelidikan yang dilakukan adalah lebih tertumpu kepada isu-isu kewangan peribadi orang ramai. Perkara ini secara tidak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



langsung meninggalkan jurang kepada analisis tahap literasi kewangan dalam kalangan perniagaan kecil (Brown, Saunders & Beresford, 2006).

Chaulagain (2015) menyatakan bahawa literasi kewangan dapat mengubah tingkah laku di mana ianya menjelaskan dua aspek iaitu konsep dan aplikasi kewangan peribadi. Konsep terdiri daripada pengetahuan kewangan dan kemahiran asas numerasi manakala aplikasi kewangan terdiri daripada tingkah laku kewangan yang diamalkan. Oleh hal yang demikian, usahawan seharusnya memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi bagi memastikan tingkah laku kewangan yang baik diamalkan terutamanya dalam perniagaan yang dijalankan.



## 1.2 Latar Belakang Kajian



Literasi kewangan telah menarik perhatian ramai pengkaji terdahulu untuk meneroka dengan lebih mendalam mengenai kesannya terhadap gaya hidup kewangan masyarakat termasuklah individu, belia, usahawan dan sebagainya. Literasi kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah (Murugiah, 2016). Ia menjadi kemahiran asas dan penting untuk mengetahui bagaimana aliran wang sehari-hari, pengurusan pendapatan dan perbelanjaan, pelaburan, pengurusan risiko kewangan yang berkesan dan cara-cara untuk mengelakkan masalah kewangan.





Fernandes (2015) menyatakan bahawa literasi kewangan dilihat sebagai satu instrumen penting bagi kejayaan perniagaan kecil. Hal ini kerana, ia membantu usahawan untuk memahami dan menilai maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan harian di mana mempunyai impak kewangan dalam pengurusan perniagaan harian. Brown Saunders dan Beresford (2006) menyatakan bahawa terdapat manfaat penting bagi usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi. Hal ini disebabkan literasi kewangan membantu mereka untuk bertindak dengan cekap di tempat kerja kerana mereka dapat menilai maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan yang memberi kesan kepada kewangan perniagaan yang dijalankan.

Literasi kewangan menjadi komponen yang penting dalam sebuah perniagaan.

Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat pelbagai bukti yang telah menunjukkan



sesebuah perniagaan (Njoroge, 2013). Njoroge (2013) telah menyatakan kajian-kajian lepas mendapati perniagaan yang dikendalikan oleh usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi memiliki peluang yang lebih baik untuk berjaya berbanding dengan usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah. Literasi kewangan merangkumi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh usahawan untuk bertindak secara berkesan dalam ekonomi kewangan dan membuat keputusan yang bijak dalam hal-hal kewangan (Njoroge, 2013). Perkara ini secara tidak langsung menjadikan mereka berani untuk menangani masalah kewangan yang dihadapi.

Di Malaysia, bilangan usahawan yang berdaftar sehingga tahun 2016 adalah tinggi iaitu sebanyak 317, 758 perniagaan (Portal Suruhanjaya Syarikat Malaysia,





2016). Terdapat pelbagai agensi di Malaysia yang membantu para usahawan dalam menjalankan perniagaan. Antaranya ialah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Sebagaimana yang kita ketahui, Mini Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) adalah merupakan satu badan di Malaysia yang menjadi pusat kepada usahawan khususnya penduduk kampung untuk menjalankan perniagaan (Rancangan Malaysia Ke-11, 2016). Mini RTC adalah merupakan penyumbang kepada kelancaran program-program transformasi negara. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Penyelidikan JAKOA Malaysia, Suhaimi Mahmud berkata, mini RTC yang diwujudkan memberi impak ekonomi kepada komuniti setempat melalui pemasaran produk yang dihasilkan penduduk.



Mini RTC adalah merupakan satu inisiatif besar oleh kerajaan untuk membawa transformasi terhadap sektor luar bandar dan pembangunan masyarakatnya (*The Malaysian Insider*, 2012). Oleh yang demikian, latihan pengurusan kewangan perlulah diberikan tumpuan kepada para usahawan mini RTC bagi meningkatkan lagi mutu perniagaan yang dijalankan.

Pendidikan kewangan berkesan yang didedahkan kepada usahawan mestilah meliputi pelbagai dimensi pengetahuan kewangan seperti literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap terhadap hal-hal berkaitan kewangan supaya para usahawan mendapat manfaat yang terbaik daripada literasi kewangan (Bushan & Medury, 2014). Oleh hal yang demikian, dalam usaha untuk meningkatkan tahap literasi kewangan usahawan, tumpuan bukan sahaja perlu kepada pengetahuan kewangan dan





kesedaran kewangan, tetapi penilaian tingkah laku kewangan juga haruslah dititikberatkan. Selain itu, hubungan antara sikap kewangan; tingkah laku kewangan dan pengetahuan kewangan perlu dikaji dengan teliti, untuk mengetahui hubungan antara dimensi yang berbeza dalam literasi kewangan ( Bushan & Medury, 2014).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Literasi kewangan adalah merupakan aspek yang penting dalam menjamin kestabilan kewangan bagi sesebuah organisasi. Pemilik perniagaan seharusnya memiliki tahap literasi kewangan yang tinggi bagi mengukuhkan pengurusan organisasi terutamanya dalam aspek kewangan. Gupta dan Kaur (2014) dan Fatoki (2014) menyatakan



(2014) menyatakan bahawa usahawan mikro memiliki kemahiran kewangan yang rendah. Selain itu, Oco (2014) menyatakan bahawa usahawan mikro wanita ketinggalan dalam mengadaptasi amalan kewangan secara formal. Kajian Suciuh (2013) pula menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mikro adalah sederhana serta tidak menunjukkan kesan yang memberangsangkan terhadap pengurusan sumber kewangan mereka. Oleh hal yang demikian, persoalan timbul berkenaan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan di Malaysia khususnya usahawan Mini RTC Zon Utara.

Penya (2011) menyatakan bahawa kebanyakan peniaga kecil memulakan perniagaan tanpa sebarang latihan kewangan yang jelas dan mencukupi. Kebanyakan kajian terdahulu yang dijalankan di Malaysia lebih tertumpu kepada golongan belia dan pelajar sahaja sebagaimana kajian yang dijalankan Mohamad Fazli dan MacDonald (2010) serta Mohd. Fazli, Jariah, Laily, Mohd Amim dan Nurkhaila.





(2007). Namun, kajian mengenai tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan masih lagi terhad. Sepanjang pengamatan pengkaji, masih kurang kajian saintifik yang dijalankan untuk mengukur tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara.

Tinjauan literatur jelas menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan kebanyakan usahawan adalah berada pada tahap yang rendah. Fenomena ini bukan sahaja dapat dilihat pada negara-negara yang kurang membangun, malah negara yang maju juga turut mengalami situasi yang sama. Malaysia juga tidak terkecuali dalam mengalami masalah sebegini. Isu mengenai hal-hal kewangan di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang kurang memberangsangkan (Dahlia, Rabitah & Zuraidah, 2009). Salah satu sebab yang dapat menjelaskan prestasi sesebuah perniagaan pada

masa ~~kini~~ ~~ialah~~ ~~kekurangan~~ ~~kemahiran~~ ~~usahawan~~ ~~dalam~~ ~~menguruskan~~ ~~kewangan~~ ~~tbupsi~~ mereka (Barte, 2012). Kesan daripada kekurangan kemahiran kewangan secara tidak langsung dapat merugikan perniagaan yang dijalankan. Uwonda, Okello dan Okello (2013) menyatakan bahawa usahawan di Uganda Utara tidak berupaya untuk menguruskan aliran tunai dengan baik disebabkan kegagalan mereka untuk menyediakan perancangan. Situasi ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kekurangan pengetahuan dapat memberi kesan kepada tingkah laku kewangan yang diamalkan. Kawasan zon utara yang meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara merupakan negeri yang terlibat dalam program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara di mana ia merupakan satu inisiatif kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Perkara ini telah menunjukkan bahawa





kawasan Zon Utara merupakan kawasan yang penting dalam menjana pendapatan di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

Persoalannya di sini, mengapakah tahap literasi kewangan masih lagi menjadi isu yang sering dibimbangi dan apakah tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan di Malaysia? Tambahan pula, menurut Brown, Saunders dan Beresford (2006), penyelidikan ke dalam bidang kewangan telah cenderung untuk menumpukan perhatian kepada peribadi isu-isu kewangan yang melibatkan orang awam. Oleh yang demikian, berdasarkan pencarian pengkaji terhadap kajian literatur mendapati bahawa terdapat kekurangan kajian yang dijalankan terhadap usahawan yang telah dijalankan di Malaysia. Kebanyakannya, adalah lebih tertumpu kepada golongan belia. Oleh itu, kajian ini akan melihat sumber pendidikan kewangan yang paling dominan dalam



laku kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara.

#### 1.4 Soalan Kajian

Terdapat beberapa soalan kajian yang dikupas dalam kajian ini. Antara persoalan kajian tersebut ialah :

- 1) Apakah tahap persetujuan usahawan bagi sumber pendidikan berkaitan kewangan?
- 2) Apakah tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara?





- 3) Apakah tahap tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara?
- 4) Adakah terdapat hubungan di antara sumber pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara?
- 5) Adakah terdapat hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara?
- 6) Adakah sumber pendidikan kewangan mempengaruhi tahap literasi kewangan usahawan mini RTC Zon Utara?
- 7) Adakah tahap literasi kewangan mempengaruhi tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara?

## 1.5 Objektif Kajian



Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk menilai tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan. Objektif khusus bagi kajian ini pula adalah untuk :

- 1) Mengenal pasti tahap persetujuan usahawan bagi sumber pendidikan berkaitan kewangan.
- 2) Mengukur tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 3) Mengukur tahap tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 4) Menentukan hubungan di antara sumber pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 5) Menentukan hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.





- 6) Menentukan pengaruh di antara sumber pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 7) Menentukan pengaruh di antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, pengkaji mempertimbangkan beberapa hipotesis bagi menjawab persoalan kajian. Antaranya ialah seperti berikut :

H1a : Sumber pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan



tahap literasi kewangan usahawan mini RTC Zon Utara dari aspek istilah kewangan.

H1b : Sumber pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap literasi kewangan usahawan mini RTC Zon Utara dari aspek isu kewangan.

H2a : Tahap literasi kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran pengurusan kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.

H2b : Tahap literasi kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan perancangan, belanjawan dan kawalan usahawan mini RTC Zon Utara.

H2c : Tahap literasi kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan simpanan kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.

H3a : Sumber pendidikan kewangan mempengaruhi tahap literasi kewangan usahawan mini RTC Zon Utara dari aspek istilah kewangan.

H3b : Sumber pendidikan kewangan mempengaruhi tahap literasi kewangan usahawan mini RTC Zon Utara dari aspek isu kewangan.




H4a : Tahap literasi kewangan mempengaruhi kemahiran pengurusan kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.

H4b : Tahap literasi kewangan kewangan mempengaruhi dengan perancangan, belanjawan dan kawalan usahawan mini RTC Zon Utara.

H4c : Tahap literasi kewangan kewangan mempengaruhi dengan simpanan kewangan usahawan mini RTC Zon Utara.

## 1.7 Kerangka Teoritikal



Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal Kajian. Sumber : ( Ajzen, 2002)

Kerangka teoritikal kajian diadaptasi daripada Teori Tingkah Laku Terancang yang dipelopori oleh Ajzen (2002). Teori ini menyatakan bahawa tingkah laku manusia adalah berpandukan kepada tiga jenis pertimbangan iaitu kepercayaan tentang kemungkinan keputusan tingkah laku dan penilaian hasil (kepercayaan tingkah laku), kepercayaan tentang jangkaan normatif orang lain (kepercayaan normatif) dan